

Escape Theme Park Penang, Dunia Pencinta Sukan Ekstrem

Oleh : Zulaika Zull Kafli



Antara salah satu sukan ekstrem yang boleh anda cuba di Escape Theme Park Penang.

Bukan sahaja di eropah, malahan di Malaysia, tarikan terbaru setiap tempat percutian adalah aktiviti yang boleh dilakukan sewaktu bercuti. Bukan sahaja tumpuan tertumpu kepada aktiviti bergambar bersama keluarga, mencari lokasi hidangan makanan yang lazat, pengunjung juga mencari lokasi percutian yang menawarkan aktiviti sukan ekstrem mahupun sukan lasak untuk mereka mencuba sesuatu yang baru.

Bagi penggemar aktiviti sukan ekstrem dan sukan lasak, anjakan adrenalin untuk melakukan aktiviti lasak memberikan keseronokkan dan cabaran yang hanya penggemar sukan ekstrem dapat merasakan kepuasannya.

Di Malaysia, antara lokasi percutian yang menawarkan aktiviti lasak mahupun sukan ekstrem adalah di Escape Theme Park, Pulau Pinang. Escape Theme Park Pulau Pinang adalah taman tema nombor satu di Malaysia yang menawarkan pelbagai aktiviti sukan lasak dan santai dalam taman buatan manusia. Selain itu, dengan pelbagai daya tarikan dan aktiviti yang menyeronokkan buat semua pengunjung tidak kira lapisan umur dan keupayaan fizikal, taman tema berukuran 20 ekar ini juga merupakan destinasi yang sesuai di Malaysia untuk percutian sekeluarga sewaktu musim sekolah.

Beroperasi selama 6 hari seminggu dari hari selasa sehingga ahad, bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 6.00 petang, Escape Theme Park Pulau Pinang menawarkan sebanyak 37 aktiviti sukan lasak yang sesuai diterokai bersama ahli keluarga seperti Aerobat, dimana aktiviti pengunjung perlu bergayut di atas tali untuk menyeberangi sungai, AK Academy iaitu aktiviti buat kanak-kanak mempelajari kemahiran asas berenang, AK Discovery iaitu aktiviti meneroka dalam air, A-Maze aktiviti buat seisi keluarga bermain hide-and-seek di dalam gelap dan banyak lagi (*Airbag, Ak Splash, Atan's Jump, Atan's Leap, Banana Flip, Atan, Coco Limb, Discovery Dig, Escape Club, Family Trail, Flying Lemur, Gecko Tower, Go Bananas, Family Twister, Jumping Jack, Jungle Swinger, Hill Rider, Kite Flyer, Lazy River, Mega Drop, Monkey School, Monkey Business, Super Looper, Play House, Slingshot, Dunk Tank, Speed Racer, Tots Pool, Tubby Tunnel, Tubby Racer, Tubby Rapids, Tree Sixty, Wave Ball, Zoom Bug*)

Bukan itu sahaja, di Escape Theme Park Penang ini turut menawarkan program *Team Building*, iaitu program pengukuhan perpaduan bekerja dalam kumpulan yang dikendalikan oleh jurulatih berdaftar. Di samping itu, pengunjung juga boleh melakukan aktiviti perkhemahanan di dalam hutan iaitu *Base Camp* di mana pengunjung berpeluang merasai pengalaman bermalam di dalam khemah yang dikawal rapi oleh pihak Escape Theme Park selama 24 jam.

Jadi, warga kota, lupakan sebentar aplikasi hiburan masa kini yang menjadi ketagihan buat generasi muda seperti *Tik Tok, Musical.ly, Snapchat, Dubsmash, Instagram, Vine, Smule* dan sebagainya. Terokai aktiviti sukan lasak dan ekstrem yang semestinya memberikan anda pengalaman baru di samping membantu meningkatkan tahap kecergasan tubuh badan anda!